


|                   |                            |                    |                           |
|-------------------|----------------------------|--------------------|---------------------------|
| <b>Headline</b>   | <b>Medan inovasi buluh</b> |                    |                           |
| <b>MediaTitle</b> | <b>Harian Metro</b>        |                    |                           |
| <b>Date</b>       | <b>22 Apr 2014</b>         | <b>Color</b>       | <b>Full Color</b>         |
| <b>Section</b>    | <b>Variasi</b>             | <b>Circulation</b> | <b>407,786</b>            |
| <b>Page No</b>    | <b>V1,V7</b>               | <b>Readership</b>  | <b>3,351,000</b>          |
| <b>Language</b>   | <b>Malay</b>               | <b>ArticleSize</b> | <b>884 cm<sup>2</sup></b> |
| <b>Journalist</b> | <b>Mohd Sabran</b>         | <b>AdValue</b>     | <b>RM 32,648</b>          |
| <b>Frequency</b>  | <b>Daily</b>               | <b>PR Value</b>    | <b>RM 97,945</b>          |



|                   |                            |                    |                           |
|-------------------|----------------------------|--------------------|---------------------------|
| <b>Headline</b>   | <b>Medan inovasi buluh</b> |                    |                           |
| <b>MediaTitle</b> | <b>Harian Metro</b>        |                    |                           |
| <b>Date</b>       | <b>22 Apr 2014</b>         | <b>Color</b>       | <b>Full Color</b>         |
| <b>Section</b>    | <b>Variasi</b>             | <b>Circulation</b> | <b>407,786</b>            |
| <b>Page No</b>    | <b>V1,V7</b>               | <b>Readership</b>  | <b>3,351,000</b>          |
| <b>Language</b>   | <b>Malay</b>               | <b>ArticleSize</b> | <b>884 cm<sup>2</sup></b> |
| <b>Journalist</b> | <b>Mohd Sabran</b>         | <b>AdValue</b>     | <b>RM 32,648</b>          |
| <b>Frequency</b>  | <b>Daily</b>               | <b>PR Value</b>    | <b>RM 97,945</b>          |



|                   |                            |                    |                           |
|-------------------|----------------------------|--------------------|---------------------------|
| <b>Headline</b>   | <b>Medan inovasi buluh</b> |                    |                           |
| <b>MediaTitle</b> | <b>Harian Metro</b>        |                    |                           |
| <b>Date</b>       | <b>22 Apr 2014</b>         | <b>Color</b>       | <b>Full Color</b>         |
| <b>Section</b>    | <b>Variasi</b>             | <b>Circulation</b> | <b>407,786</b>            |
| <b>Page No</b>    | <b>V1,V7</b>               | <b>Readership</b>  | <b>3,351,000</b>          |
| <b>Language</b>   | <b>Malay</b>               | <b>ArticleSize</b> | <b>884 cm<sup>2</sup></b> |
| <b>Journalist</b> | <b>Mohd Sabran</b>         | <b>AdValue</b>     | <b>RM 32,648</b>          |
| <b>Frequency</b>  | <b>Daily</b>               | <b>PR Value</b>    | <b>RM 97,945</b>          |

**Oleh Mohd Sabran Md Sani**

sab@mediaprima.com.my

**I**nstitut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mengambil inisiatif menubuhkan Galeri Buluh dan Palma untuk dijadikan sebagai sumber rujukan bermanfaat kepada generasi akan datang.

Terletak di FRIM, Kepong, galeri baru itu memperincikan mengenai pelbagai spesies buluh dan palma di negara ini.

Didapati 13 daripada 70 spesies buluh mempunyai nilai komersial, manakala 30 daripada 104 spesies rotan mempunyai nilai sama.

Rotan dan buluh adalah dua tumbuhan yang cepat membesar di hutan hujan Tropika, selain tumbuhan palma lain seperti nibong, bayas dan kelapa.

Menyedari kepentingan sumber ini juga sebuah Jawatankuasa untuk Menyelaras Penyelidikan Buluh dan Rotan ditubuhkan pada akhir 80-an.

Setakat ini, FRIM menjalankan lebih 59 program latihan membabitkan 1,500 usahawan Bumiputra dan

Orang Asli, antaranya projek R&D menghasilkan perabot melalui laminasi veneer dari buluh betong.

Kini, buluh dan palma digunakan secara komersial untuk menghasilkan pelbagai barang seperti kayu penyepit (chopstick), pencungkil gigi, tirai, hasil kraftangan, perabot, kerusi meja, panel pintu, parquet dan pelbagai produk bernilai tambah.

Majlis perasmian galeri baru itu disempurnakan, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri G Palanivel.

Hadir sama sempena lawatan korporat ke FRIM itu adalah Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abd Latif Mohmod.

Sempena lawatan itu, FRIM juga mempromosikan pelbagai bahan penyelidikan, antaranya buluh madu, betong, buluh pagar, galah dan siam sesuai untuk makanan panda bernama Fu Wa (jan-jan) dan Feng Yi (betina).

Dr Abdul Latif berkata, penyelidikan terhadap buluh dilaksanakan FRIM beriku-

tan ia menjadi pengganti kepada kayu.

“Didapati ramai penduduk negara ini tidak berminat dengan pokok buluh kerana mereka mempunyai pilihan lain seperti kayu, kelapa sawit dan getah,” katanya.

Katanya, banyak program penyelidikan dilakukan terhadap buluh, antaranya satu kaki persegi buluh menahan beban sehingga 220 paun, se-lain tidak mudah patah.

“Itu menunjukkan buluh adalah bahan terbaik, proses tuaian singkat sehingga tiga tahun, tidak mempunyai sebarang isu berkaitan alam sekitar dan mesra alam,” katanya.

Buluh di negara ini lebih kukuh berbanding China.

Sebab itu satu hektar buluh di Malaysia tidak sama dengan sehektar buluh di tanam di China.

Mengenai perlindungan terhadap panda, Dr Abd Latif berkata, 35.6 hektar buluh di tanam di beberapa lokasi untuk membekalkan sumber makanan kepada haiwan itu.

“Sebelum ini kami sudah

menghantar sampel beberapa buluh ini untuk melihat kesesuaianya kepada panda di China.

“Hasilnya didapati lima daripada 11 buluh yang sesuai dimakan di negara ini boleh dimakan oleh haiwan itu,” katanya.

Sehubungan itu katanya, FRIM mengambil langkah memastikan dapat membekalkan buluh untuk kedua-dua panda itu.

Untuk memudahkan sumber segar diperoleh, spesies buluh itu ditanam atau tumbuh secara semula jadi di Paya Indah Wetland, Lan-chang, Rembau dan Bagan Datuk, Perak.

“Memandangkan zoo yang menempatkan pasangan ini terletak di Ampang, maka stok buluh untuk penda makan perlu dihantar pada kadar segera.

“Dianggarkan setiap ekor panda makan 20 hingga 30 kilogram sehari dan jumlah buluh yang ditanam mencukupi untuk tempoh 12 ta-hun,” katanya.



|                   |                            |                    |                           |
|-------------------|----------------------------|--------------------|---------------------------|
| <b>Headline</b>   | <b>Medan inovasi buluh</b> |                    |                           |
| <b>MediaTitle</b> | <b>Harian Metro</b>        |                    |                           |
| <b>Date</b>       | <b>22 Apr 2014</b>         | <b>Color</b>       | <b>Full Color</b>         |
| <b>Section</b>    | <b>Variasi</b>             | <b>Circulation</b> | <b>407,786</b>            |
| <b>Page No</b>    | <b>V1,V7</b>               | <b>Readership</b>  | <b>3,351,000</b>          |
| <b>Language</b>   | <b>Malay</b>               | <b>ArticleSize</b> | <b>884 cm<sup>2</sup></b> |
| <b>Journalist</b> | <b>Mohd Sabran</b>         | <b>AdValue</b>     | <b>RM 32,648</b>          |
| <b>Frequency</b>  | <b>Daily</b>               | <b>PR Value</b>    | <b>RM 97,945</b>          |

